



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 15 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm


15/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	JKM, JABATAN PERANGKAAN SANTUNI WARGA RSK DAFTAR PADU	
	https://www.melakahariini.my/jkm-jabatan-perangkaan-santuni-warga-rsk-daftar-padu/	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	BANJIR DI PAHANG, LIMA PPS MASIH BEROPERASI	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-di-pahang-lima-pps-masih-beroperasi	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	SHHRIZA MAHMUD BELUM BERSEDIA NAK MOHON KAD OKU	
	https://www.hmetro.com.my/rap/2024/01/1050344/shahriza-mahmud-belum-ber sedia-nak-mohon-kad-oku	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	AKADEMI KEPIMPINAN WANITA LAHIR 280 GRADUAN MAHIR POLITIK, KERJA SOSIAL	
	https://selangorkini.my/2024/01/akademi-kepimpinan-wanita-lahir-280-graduan-mahir-politik-kerja-sosial/	SELANGORKINI.MY



EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Datuk Kalsom Noordin (duduk, dua dari kiri) menyantuni Penghuni Rumah Seri Kenangan Cheng, Mohamad Salleh Pandak Mat Piah, 68, (duduk, kiri) pada Program Pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka menganjurkan di Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka. Foto MR AZLI

EXCO MELAKA NASIONAL TERKINI

JKM, Jabatan Perangkaan santuni warga RSK daftar PADU



SITI SALEHAH
AHAD, 14 JANUARI 2024 @ 18:08

PAYA RUMPUT 14 Januari – Seramai 119 penghuni Rumah Seri Kenangan (RSK), Cheng selesai mengemaskini dan mendaftarkan maklumat diri terkini di Pangkalan Data Utama (PADU).

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin berkata, rumah jagaan warga emas itu adalah lokasi pertama di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dikunjungi Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM), bagi membantu proses pendaftaran PADU.

Jelasnya, DoSM bersama JKJ bersama-sama mengunjungi rumah jagaan itu bagi memudahkan penghuni khususnya mereka yang mengalami keuzuran.

“Sehingga kini seramai 119 orang penghuni sudah dikenal pasti dan selesai mendaftar maklumat di PADU manakala 56 orang lagi dalam proses kemaskini.

“Apabila kesemua penghuni di sini selesai dibantu dengan mengemaskini dan mendaftar mereka tidak akan terkecuali daripada menerima bantuan diumumkan kerajaan,” katanya.


Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Batu berkata demikian ketika hadir melawat proses pendaftaran PADU di RSK Cheng, di sini, hari ini.

Hadir sama Pengarah JKJ negeri Zulkifli Hanifah; Pengarah DoSM negeri, Abang Saifulhadi Abang Ibrahim serta Ahli Lembaga Pelawat RSK Cheng.

Kalsom berkata, selepas RSK Cheng, kaunter fizikal Jabatan Perangkaan akan digerakkan ke institusi di bawah JKJ yang lain termasuklah Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

“Sememangnya JKJ akan memperluaskan inisiatif ini dalam usaha membantu mencapai sasaran yang ditetapkan jadi RSK Cheng ini adalah permulaannya.

“Selepas itu kita akan ke PAWE untuk menyalurkan maklumat dan membantu mendaftar selain juga ke PPDK untuk golongan sasaran iaitu mereka berusia 18 tahun keatas,” katanya.



Banjir di Pahang, lima PPS masih beroperasi

Kategori: Nasional - Kemas kini: 14 Januari 2024 01:18 PM - Jumlah kunjungan: 107



Foto Fail

KUANTAN, 14 Januari- Seramai 718 orang penduduk terjejas banjir di Pahang masih berlindung di lima pusat pemindahan sementara (PPS), setakat pukul 12.00 tengah hari.

Kesemua 215 keluarga tersebut membabitkan penduduk terjejas banjir di daerah Pekan dan Rompin.

Menurut Portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), penduduk terjejas banjir paling ramai adalah di Pekan melibatkan 573 orang yang berlindung di tiga PPS.

Diikuti, Rompin iaitu seramai 145 orang berlindung di dua PPS.

Menurut laporan terkini Pusat Kawalan Bencana Negara Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), beberapa lembangan sungai masih berada paras bahaya iaitu Sungai Pahang di Pekan, Bera dan Maran serta Sungai Rompin.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran hujan berterusan tahap waspada di Rompin hari ini.

Sementara itu, banjir di Johor mencatatkan angka penduduk terjejas turun kepada 1,124 orang setakat pukul 12.00 tengah hari tadi.

Kesemua masih berlindung di 13 pusat pemindahan sementara (PPS) melibatkan lima daerah di Johor.

Tiga jalan masih ditutup untuk semua kenderaan iaitu Jalan Tanah Abang di Mersing, Lingkaran Kahang Barat (Felda Kahang Barat) dan selepas Felda Kahang Barat, Kluang.



Shahriza Mahmud belum bersedia nak mohon kad OKU

Norhayati Nordin

norhayati_nordin@hmetro.com.my



Shahriza Mahmud.

Kuala Lumpur : Pelakon Shahriza Mahmud, 58, yang masih lagi dalam proses pemulihan akibat dijangkiti kencing tikus kira-kira tiga tahun lalu pernah disarankan beberapa rakan untuk memohon kad Orang Kelainan Upaya (OKU), termasuk bantuan daripada agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Zakat dan Baitulmal untuk membantu sumber kewangan bulanannya.

"Bila rakan-rakan sarankan perkara itu, saya selalu berfikir esok saya akan baik, esok akan baik sampailah dah tiga tahun sekarang.

"Saya fikir mungkin ada orang lain yang lebih memerlukan bantuan itu. Saya pun selalu kata pada diri, boleh usaha lagi, boleh usaha lagi. Jadi, hasrat nak cuba mohon itu sentiasa tertangguh dan selagi termampu, saya bersama suami berniaga sajalah," katanya.

Shahriza berkata, sekarang dia dan suami, Saddiq Raffali menjual makanan secara kecil-kecilan di bazar dan ekspo jualan.

"Boleh dikatakan rezeki yang kami dapat daripada hasil berniaga itu cukup-cukup saja. Modal (berniaga) pun tak besar, cuma daripada lebih kewangan yang ada sedikit-sedikit dapat pusing balik untuk modal, makan minum dan bayar ansuran kereta, itu saja. Umpama kais pagi makan petang," katanya.

Menurut Shahriza, selama sakit sejak Januari 2021 lalu, dia pernah bergantung dengan wang simpanan untuk meneruskan kehidupan. Kini dia perlu terus aktif berniaga di tapak bazar dan platform media sosial untuk mendapatkan pendapatan.

Menurut Shahriza, dia gembira dan bersyukur kerana pengikutnya di media sosial banyak membantu dengan membeli produk makanan yang dijual.

Terdahulu, Shahriza yang aktif berlakon drama Spektra RTM pada 1990-an dijangkiti kencing tikus pada 1 Januari 2021. Dia dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Putrajaya selama seminggu.

Selain itu, dia juga terlanar dan tidak boleh bergerak selama setahun, kemudiannya bergantung pada kerusi roda untuk bergerak dan sekarang sudah boleh berjalan menggunakan tongkat.

Shariza berkahwin kali kedua dengan Saddiq yang juga abang penyanyi, Ana Raffali pada 2011, namun mereka tidak dikurniakan cahaya mata.



EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari berucap ketika merasmikan Imaarah Wanita dan Keluarga Madani 2024 di Seksyen 7, Shah Alam pada 14 Januari 2024. Foto HAFIZ OTHMAN/SELANGORKINI

BERITA UTAMA EXCO SELANGOR

Akademi Kepimpinan Wanita lahir 280 graduan mahir politik, kerja sosial

by Norrasyidah Arshad © January 14, 2024 6:00 pm

SHAH ALAM, 14 JAN: Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) yang diperkenalkan pada 2020 bagi memberdaya golongan itu melahirkan 280 graduan setakat ini.

EXCO pemberdayaan wanita dan keluarga berkata graduan menjalani kursus lapangan politik dan kerja sosial selama 15 bulan demi memantapkan lagi kepimpinan mereka.

"Mereka merupakan pelajar dari kohot pertama hingga ketiga dan sekarang sesi baharu untuk kohot ke empat sedang dibuka.

"Menerusi AKW, peserta dapat menimba ilmu dan kemahiran dengan bantuan biasiswa daripada Kerajaan Negeri," kata Anfaal Safari selepas merasmikan Majlis Imaarah Wanita dan Keluarga Madani di sini hari ini.



Kanak-kanak menyertai aktiviti melukis ketika ibu bapa mereka mendengar forum Imaarah Wanita dan Keluarga Madani 2024 di Seksyen 7, Shah Alam pada 14 Januari 2024. Foto HAFIZ OTHMAN/SELANGORKINI

AKW merupakan program tajaan Kerajaan Selangor bagi memantapkan kemahiran wanita berusia 21 hingga 45 tahun dan bertindak sebagai 'saluran bakat' ke arah melahirkan lebih ramai pemimpin wanita di lapangan politik serta kerja sosial.

Empat modul utama pembelajaran ialah kemahiran insaniah dan organisasi, kefahaman gender, kepimpinan politik dan ekonomi serta kemahiran komunikasi.

Kelas diadakan setiap Rabu selepas waktu bekerja bermula 6 petang hingga 9 malam di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).